

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Pusat Pengajian Pengurusan

Kursus Semasa Cuti Panjang
Sidang 1998/99

April 1999

AAW315 - PERCUKAIAN I

Masa: 3 Jam

ARAHAN

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA BELAS muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab **SEMUA** soalan.

1. Encik Md. Sani adalah seorang pengarah urusan di sebuah syarikat terkawal. Butir-butir mengenai pendapatan beliau untuk tahun berakhir pada 31 Disember 1997 adalah seperti berikut:

Gaji	RM3,000.00 (sebulan)
Bonus	RM9,000.00 (setahun)
Elaun perjalanan	RM2,500.00 (sebulan)
Bil elektrik dan air dibayar oleh syarikat	RM75.00 (sebulan - purata)
Amah dibayar oleh syarikat	RM350.00 (sebulan)
Tukang kebun dibayar oleh syarikat	RM350.00 (sebulan)
Benafaat perubatan dibayar oleh syarikat	RM800.00 (sebulan- purata)
Elaun keraian	RM800.00 (sebulan)
Tempat kediaman - nilai tetap	RM1,000.00 (sebulan)
Pemandu dibayar oleh syarikat	RM500.00 (sebulan)

Pendapatan-pendapatan lain:

Dividen Malaysia (bersih)	RM2,160.00
Dividen - Hong Kong	RM1,000.00
- RM500.00 dikiriskan	
Faedah simpanan tetap 15 bulan	RM4,000.00
Pendapatan sewa	
- Rumah di Ipoh - mula disewakan pada 1 Jun 1997	RM500.00 (sebulan)
Rumah di Taiping	Tiada sewa diterima

AAW315

Pendapatan perniagaan	
- pendapatan dilaraskan	RM25,000.00
- elaun modal	RM2,400.00

Sumber pendapatan isteri bagi 1997 ialah:

Komisyen sebagai penjual separuh masa	RM20,000.00
Ganjaran bagi menterjemah buku	RM12,000.00

Maklumat tambahan:

- (i) Hanya 2/3 sahaja dari elaun perjalanan digunakan untuk tugas rasmi.
- (ii) Bil elektrik dan air yang dibayar oleh majikan tidak mencukupi dan Encik Md. Sani terpaksa membelanjakan RM15.00 sebulan sebagai tambahan kepada manfaat yang diberikan.
- (iii) Encik Md. Sani telah mengaji seorang lagi tukang kebun dengan membayar RM350.00 sebulan kerana tukang kebun yang sedia ada tidak melaksanakan kerja sepenuhnya.
- (iv) Perbelanjaan keraian yang dibuat untuk tujuan rasmi telah melebihi elaun yang diberikan dengan sebanyak RM100.00 sebulan.
- (v) Tempat kediaman yang disediakan oleh majikan adalah termasuk perabut bernilai RM200.00 sebulan.
- (vi) Dividen Malaysia yang beliau terima adalah daripada sebuah syarikat yang bermastautin. Beliau telah membuat pinjaman overdraf bank bagi membiayai pelaburan tersebut sepenuhnya. Untuk tempoh berkenaan beliau telah membayar bunga atas pinjaman overdraf bank sebanyak RM1,800.00.
- (vii) Kerugian perniagaan tahun 1996 bawa ke hadapan berjumlah RM1,500.00.
- (viii) Elaun modal bagi perniagaan tersebut adalah berkaitan dengan sebuah kereta yang digunakan dalam perniagaan berkenaan. 2/3 sahaja daripada kegunaan kereta itu adalah untuk urusan perniagaan.

...3/-

- (ix) Encik Md. Sani telah membuat tuntutan berikut bagi perbelanjaan rumah:

	<u>Rumah di Ipoh</u>	<u>Rumah di Taiping</u>
Cukai pintu (tahunan)	RM600.00	RM 800.00
Kadar taksiran (tahunan)	RM480.00	RM 600.00
Ubahsuai dinding untuk memasang alat hawa dingin	-	RM3,000.00
Membaiki pintu yang rosak	-	RM 200.00
Iklan bagi penyewa pertama	RM500.00	-

- (x) Bagi tahun 1997, adik Encik Sani duduk di rumahnya di Taiping tanpa membayar sewa kecuali menjelaskan kadar taksiran sedangkan Encik Sani duduk di rumahnya sendiri di Pulau Pinang. Nilai kadar rumah di Taiping ialah RM12,000.

- (xi) Isterinya telah mengeluarkan perbelanjaan berikut dalam 1997:

Belanja keraian bagi pelanggannya	RM3,500.00
Belanja lain dibenarkan (S34)	RM2,000.00

- (xii) Encik Sani dan isteri mempunyai 3 orang anak:

- (1) Anak pertamanya berumur 23 tahun sedang belajar di USM. Encik Sani menanggung perbelanjaannya sebanyak RM6,000 setahun.
- (2) Anak keduanya berumur 21 tahun sedang belajar di London University, England. Dalam tahun 1997 anak ini telah kahwin tetapi isteri Encik Sani masih menanggung sebanyak RM5,000 bagi perbelanjaannya di England dalam 1997.
- (3) Anak ketiganya berumur 17 sedang belajar di MCKK Kuala Kangsar adalah seorang yang tidak berupaya anggota. Dalam 1997 Encik Sani membeli alat sokongan baginya dengan kos RM6,000.

- (xiii) Dalam 1997 premium insuran dan KWSP yang dibayar ialah:

	<u>Premium insuran</u>	<u>Jenis insuran</u>
Encik Sani	RM3,500.00	Nyawa
	RM3,000.00	Kemalangan
Isteri	RM3,000.00	Nyawa
	RM2,000.00	Kemalangan
Anak ketiga	RM3,000.00	Nyawa
	RM2,000.00	Kemalangan

...4/-

KWSP

Encik Sani RM2,500.00
Isteri -

Dikehendaki:

Kirakan pendapatan bercukai Encik Sani dan isterinya untuk tahun taksiran 1998 dengan andaian bahawa isterinya tidak memilih taksiran bergabung.

[18 markah]

2.

(a) Kira pendapatan dilaraskan atau kerugian dilaraskan hingga tahun taksiran 1996 berkaitan dengan berikut:

(i) Perusahaan Getah Bhd. mula perniagaan pada 1-3-1992 dan menyiapkan akaunnya hingga 28-2-1993. Pada Oktober 1993 semua saham Perusahaan Getah Bhd telah diperolehi oleh Kawal Bhd. Tahun Perakaunan Kawal Bhd. berakhir pada 30 Jun.

Sehubungan dengan itu, Perusahaan Getah Bhd. menyiapkan akaun dan mengira pendapatan dilaraskannya bagi tempoh berikut:

<u>Tempoh Perakaunan</u>	<u>Pendapatan Dilaraskan</u>
	RM
1-3-1992 - 28-2-1993	37,300
1-3-1993 - 30-6-1994	92,866
1-7-1994 - 30-6-1995	116,466

(ii) Pekilang Anita Bhd. menyiapkan akaunnya sehingga 30 September setiap tahun. Anita Bhd. menukar tarikh perakaunannya ke 30 Jun kerana sebab-sebab tertentu. Pendapatan dilaraskan Anita Bhd. bagi setiap tempoh perakaunan berkenaan adalah seperti berikut:

...5/-

Tempoh PerakaunanPendapatan Dilaraskan

	RM
1-10-1992 - 30-9-1993	81,132
1-10-1993 - 30-6-1994	13,200
1-07-1994 - 30-6-1995	25,400

- (iii) Benua Bhd. tutup akaunnya pada 30 Jun setiap tahun. Menurut kehendak syarikat induknya, Benua Bhd. menukar tahun kewangannya berakhir pada 31 Mac. Pendapatan/kerugian dilaraskan bagi tempoh-tempoh berkaitan adalah seperti berikut:

Tempoh PerakaunanPendapatan (Kerugian) dilaraskan

	RM
1-7-1991 - 30-6-1992	79,460
1-7-1992 - 31-3-1993	12,000
1-4-1993 - 31-3-1994	16,000
1-4-1994 - 31-3-1995	(5,300)

- (b) Melor Bhd. mula perniagaan pada 1-7-1993 dan menyediakan akaunnya hingga 31 Mac setiap tahun. Pendapatan dilaraskan Melor Bhd. adalah seperti berikut:

1-7-1993 - 31-3-1994	RM 36,000
1-4-1994 - 31-3-1995	144,000

Dikehendaki:

- (i) Kira pendapatan dilaraskan bagi semua tahun taksiran hingga tahun taksiran 1996.
- (ii) Kira pendapatan dilaraskan bagi tahun taksiran berkaitan jika Melor Bhd. dikehendaki menutup akaunnya pada 31 Mac supaya selaras dengan tahun kewangan syarikat induknya.

[15 markah]

3. Bincangkan dengan ringkas kesan-kesan yang mungkin timbul dari pengecualian cukai pendapatan bagi tahun 1999.

[5 markah]

...6/-

AAW315

4. Ahmad dan Bala mengendalikan perniagaan perkongsiannya dengan nama Ahmad Bala & Rakan. Akaun perkongsian tersebut disediakan sehingga 30 September setiap tahun. Syarat-syarat perkongsian adalah seperti berikut:
- (a) Ahmad dan Bala dibayar gaji sebanyak RM6,000 dan RM4,500 sebulan masing-masing.
 - (b) Bunga bagi modal dibayar pada kadar 10% setahun. Ahmad dan Bala menyumbang modal sebanyak RM450,000 masing-masing.
 - (c) Nisbah pembahagian untung rugi bagi tempoh 1.10.1995 hingga 30.9.1996 ialah Ahmad 3/4 dan Bala 1/4.

Pada 1.10.1996, Chong menyertai perkongsian tersebut dengan menyumbangkan modal sebanyak RM600,000 dan tarikh perakaunan perniagaan perkongsian ditukar ke 31 Disember.

Nisbah pembahagian untung rugi serta syarat perkongsian ditukar mulai 1.10.1996 seperti berikut:

- (a) Gaji sebanyak RM6,000 sebulan dibayar kepada setiap rakan kongsi.
- (b) Bunga pada kadar 10% setahun dibayar kepada setiap rakan kongsi.
- (c) Nisbah pembahagian untung rugi setiap rakan kongsi ialah 1/3 bermula dari 1.10.1996.

Pendapatan larasan sementara dan elaun modal bagi perniagaan perkongsian tersebut ialah:

<u>Tempoh</u>	<u>Pendapatan larasan sementara</u>	<u>Elaun modal</u>
1.10.1995 - 30.9.1996	RM600,000	RM75,000
1.10.1996 - 31.12.1996	RM90,000	-
1.1.1997 - 31.12.1997	RM750,000	RM120,000

Dikehendaki:

- (i) Nyatakan tempoh asas bagi setiap rakan kongsi untuk tahun taksiran 1997 dan tahun taksiran 1998.

...7/-

AAW315

- (ii) Kirakan pendapatan larasan dan pendapatan berkanun setiap rakan kongsi bagi tahun taksiran 1997 dan tahun taksiran 1998.

[16 markah]

5.

Sinar Sdn. Bhd. adalah sebuah syarikat perkilangan dan telah menyediakan akaunnya hingga 31 Disember setiap tahun. Bagi tahun kewangan yang berakhir 31 Disember 1995, akaun untung ruginya adalah seperti berikut:

	<u>Nota</u>	RM	RM
Jualan		20,003,700	
Tolak: Kos Jualan	a	(8,602,710)	
		<hr/>	
		11,400,990	
Dividen (bersih)	b	63,000	
		<hr/>	
			11,463,990
Tolak:			
Kerugian penukaran wang asing	c	108,000	
Ganjaran	d	2,301,300	
Bayar iktisas	e	519,000	
Peruntukan hutang lapuk	f	100,000	
Pembaikan dan penyenggaraan	g	491,200	
Air dan elektrik	h	300,016	
Kebajikan kakitangan	i	390,000	

...8/-

- 8 -

Yuran dan bayaran	j	640,900	
Penyelidikan dan perkembangan (R & D)	k	150,000	
Pampasan	l	100,000	
Latihan kakitangan	m	441,600	
Susutnilai	n	531,960	
			6,073,976

Untung sebelum cukai			5,390,014
			=====

Nota:

- (a) Kos jualan: Termasuk dalam kos jualan ialah bayaran royalti sebanyak RM100,000. Royalti ini dibayar setiap bulan kepada syarikat induk di Korea. Cukai pegangan biasanya dibayar kepada Jabatan Hasil Dalam Negeri (JHDN) dalam tempoh seminggu bila bayaran royalti dibuat. Walau bagaimanapun cukai pegangan sebanyak RM30,000 dibayar kepada JHDN dua bulan kemudian oleh kerana sesuatu kesilapan.
- (b) Dividen: Ini adalah dividen Singapura yang telah dikreditkan ke akaun bank Sinar Sdn. Bhd. di Singapura. Dividen Singapura ini adalah dikecualikan dari cukai pendapatan Singapura. Amaun dividen ini telah dinyatakan dalam ringgit Malaysia.
- (c) Kerugian penukaran wang asing:

	RM
Untung belum realis (niaga)	(30,000)
Rugi yang realis (niaga)	48,000
Rugi yang realis (bayaran akhir bagi pinjaman)	50,000
Rugi belum realis (niaga)	40,000

	108,00

...9/-

- 9 -

(d) Ganjaran: Pada tahun berkenaan, pengurus pemasaran diberikan ganjaran berikut:

	RM
Gaji	180,000
Elaun keraian	90,000
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja-Sumbangan Majikan	40,000

Dua pekerja adalah cacat dan gaji bulanan mereka ialah RM950 dan RM900 masing-masing.

(e) Bayaran iktisas: Ini termasuk bayaran berikut:

	RM
Pendaftaran cap dagangan baru	70,000
Pembaruan cap dagangan lama	26,000
Bayaran guaman untuk pinjaman	32,000
Bayaran audit	70,000
Bayaran perakaunan	30,000
Recruitment staf	70,000
Belanja rayuan cukai	128,000

(f) Peruntukan hutang lapuk: Baki permulaan Akaun Peruntukan Hutang Lapuk ialah RM1,520,000. Pada tahun 1995, peruntukan tambahan sebanyak RM120,000 mengenai seorang penghutang yang disaman kebangkrupan telah dibuat. Hutang lapuk sebanyak RM60,000 yang telah diperuntukkan dapat dipulihkan. Baki akhir akaun Peruntukan Hutang Lapuk ialah RM1,680,000. Semua catatan dalam akaun ini adalah berkaitan dengan 'hutang niaga'.

(g) Pembaikan dan penyenggaraan: Ini termasuk belanja-belanja berikut:

	RM
Penggantian bumbung zink dengan bumbung simen yang baru	130,000
Penggantian saluran asap	161,600
Penggantian tingkap cermin yang pecah dan cat semula pejabat dan ruang pamiran	70,000

...10/-

- (h) Air dan elektrik: Satu perlima belanja ini berkaitan dengan bil-bil telefon.
- (i) Kebajikan kakitangan: Belanja sebanyak RM70,000 adalah berkaitan dengan jamuan makan tahunan kakitangan dan bakinya berkaitan dengan meraikan pelanggan Sinar Sdn. Bhd.
- (j) Yuran dan bayaran: Ini mengandungi:
- | | RM |
|---|---------|
| Bayaran masuk Kelab Golf | 300,000 |
| Bayaran masuk Persatuan Pekilang Malaysia | 313,200 |
| Yuran tahunan Persatuan Pekilang Malaysia | 7,700 |
| Derma kepada institusi yang diluluskan | 20,000 |
- (k) Penyelidikan dan perkembangan: Sebanyak RM300,000 telah dibelanjakan dalam penyelidikan bagi suatu keluaran baru yang telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan Malaysia. Pihak pengurusan Sinar Sdn. Bhd. memutuskan bahawa belanja ini dihapuskan dalam dua tahun.
- (l) Pampasan: Amaun ini dibayar kepada pelanggan utama sebagai penyelesaian luar mahkamah bila Sinar Sdn. Bhd. dikenakan tindakan undang-undang kerana terlewat menghantar konsignmen barangannya.
- (m) Latihan kakitangan: Ini termasuk:
- | | RM |
|---|---------|
| Pengiklanan | 320,000 |
| Biasiswa kepada pekerja melanjutkan pendidikannya | 120,000 |
- (n) Susutnilai: Perbelanjaan baki, elaun tahunan dan kadar elaun tahunan pada 31 Dis. 1995 ialah:

<u>Aset</u>	<u>Perbelanjaan Baki</u> RM	<u>Elaun Tahunan</u> RM	<u>Kadar Elaun</u> %
Bangunan Perindustrian	1,800,000	12,000	2
Jentera & Mesin	320,000	144,000	10
Kenderaan bermotor	260,000	170,000	20
Perabot danengkapan	60,000	9,000	8

...11/-

Dikehendaki:

Kira cukai pendapatan yang kena dibayar oleh Sinar Sdn. Bhd. bagi Tahun Taksiran 1996.

[30 markah]

6.

Cahaya Sdn. Bhd. adalah sebuah syarikat pekilangan dengan tarikh perakaunannya pada 31 Disember setiap tahun. Cahaya Sdn. Bhd. membina sebuah kilang dengan membelanjakan perbelanjaan berikut:

	<u>Tarikh</u>	<u>Amaun (RM)</u>
(a) Tanah	3-2-1985	3,700,000
(b) Tapak dan 'piling'	5-3-1985	1,400,000
(c) Bayar arkitek	6-5-1985	240,000
(d) Yuran guaman		
- tanah		130,000
- bangunan		90,000
(e) Pembinaan	4-9-1986	5,730,000
(f) Saluran air dan dawai elektrik	11-12-1986	440,000

Pembinaan kilang tersebut telah disiap pada 30-12-1986. Cahaya Sdn. Bhd. mula perniagaan pembuatan sarung tangan pada 1-5-1987. 7/8 bangunan tersebut digunakan sebagai kilang dan bakinya sebagai pejabat.

Malangnya, Cahaya Sdn. Bhd. menghadapi kerugian besar dalam perniagaannya dan berhenti menggunakan bangunan tersebut untuk pembuatan sarung tangan pada 1-9-1991.

Bangunan tersebut telah dijual kepada Reka Sdn. Bhd. (tarikh perakaunan 30 Jun) pada 12-10-1991 dengan harga RM15,000,000 (termasuk tanah bernilai RM5,000,000). Reka Sdn. Bhd. menggunakan bangunan tersebut untuk mengeluarkan patung getah mulai 10-12-1991.

Dikehendaki:

Kira Elaun Bangunan Perindustrian atau Pengenaan yang dikenakan kepada Cahaya Sdn. Bhd. dan Reka Sdn. Bhd. bagi semua tahun taksiran yang berkaitan hingga tahun taksiran 1996.

[16 markah]

...12/-

LAMPIRAN

Cukai pendapatan individu yang kena dibayar

Kum. berpendapatan bercukai (RM)	(RM)	Jumlah cukai
1 - 2,000	0% di atas yang pertama 2,500	0
2,501 - 5,000	2% di atas yang berikut Di atas yang pertama <u>2,500</u> 5,000	<u>50</u> 50
5,001 - 10,000	4% di atas yang berikut Di atas yang pertama <u>5,000</u> 10,000	<u>200</u> 250
10,001 - 20,000	6% di atas yang berikut Di atas yang pertama <u>10,000</u> 20,000	<u>600</u> 850
20,001 - 35,000	10% di atas yang berikut Di atas yang pertama <u>15,000</u> 35,000	<u>1,500</u> 2,350
35,001 - 50,000	16% di atas yang berikut Di atas yang pertama <u>15,000</u> 50,000	<u>2,400</u> 4,750
50,001 - 70,000	21% di atas yang berikut Di atas yang pertama <u>20,000</u> 70,000	<u>4,200</u> 8,950
70,001 - 100,000	26% di atas yang berikut Di atas yang pertama <u>30,000</u> 100,000	<u>7,800</u> 16,750
100,001 - 150,000	29% di atas yang berikut Di atas yang pertama <u>50,000</u> 150,000	<u>14,500</u> 31,250
Melebihi 150,000	30%	

---ooo000ooo---